

10 JUL 1996

YANG DI-PERTUAN AGONG HADIR SANTAPAN DI RAJA

ALOR GAJAH, 10 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar malam ini menghadiri santapan diraja sempena mesyuarat Majlis Raja-raja ke-173 di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghadiri majlis itu yang diadakan di A'Famosa Resort, tempat persidangan itu berlangsung.

Semua Raja dan wakil yang menghadiri mesyuarat hari pertama yang bermula hari ini menghadiri majlis santapan itu kecuali Tengku Mahkota Johor.

Sultan Selangor diwakili Pemangku Sultan Tengku Azman Shah dan Sultan Pahang diwakili oleh Tengku Muda Pahang.

Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tengku Naquiyudin Ja'afar juga hadir.

Yang turut hadir ialah Yang Dipertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Menteri Besar Kelantan yang diwakili Timbalan Menteri Besar Haji Abdul Halim Abdul Rahman. --

BERNAMA

MOZ MAI